

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH / HARI : 06 JANUARI 2017 (JUMAAT)

150 sertai program pembersihan sungai

Selangor Kini Cefi

SHAH ALAM - Lebih 150 peserta menyertai Program Pembersihan Sungai yang julung kali dianjurkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, peserta terdiri daripada wakil badan bukan kerajaan (NGO) dan sukarelawan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam serta Management and Science University (MSU).

Katanya, semua peserta adalah mereka yang aktif dalam program berkaitan pengindahan dan pembersihan sungai.

"Kita mahu memberi pendedahan meluas kepada peserta terhadap kepentingan sungai sebagai salah satu aset alam semula jadi.

"Selain itu, MBSA berharap program ini dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan peserta dan komuniti Shah Alam berkenaan usaha pemeliharaan juga pemuliharaan sungai yang boleh dilaksanakan," katanya.

Bertempat di Sungai Damsara (kawasan perumahan TTDI), Seksyen 13, program disempurnakan Ahli Majlis MBSA, Tan Ah Kow dan dihadiri Pengarah Jabatan MBSA.

Antara pengisian program itu adalah membersihkan sampah di pesisiran sungai serta penanaman pokok di kawasan rizab sungai.

Selain itu, peserta turut didedahkan dengan pengetahuan dan teknik mengurus sungai serta kawasan tadahan.

